

DATIF DALAM BAHASA MELAYU: SATU KAJIAN NAHU KASUS DARI SUDUT PERANAN SEMANTIK DALAM AYAT

Arbak Othman

Abstrak

Kajian ini mencuba menggarap makna yang terkod dalam kata pada aras morfologi bahasa Melayu. Sehubungan dengan idea ini, makna konstruksi nahuan perlu dinyatakan secara eksplisit dalam metabahasa semantik, supaya sifat-sifat fitur bahasa Melayu dapat dikesan pada seluruh bahasa. Misalnya, daerah semantik seperti emosi, sensasi, bahagian tubuh badan, kuasa memilih, tempat dan masa, dapat kemudiannya dikaji sebagai domain individu, dan perlakuan yang berbeza dalam bahasa Melayu dapat ditentukan. Kajian ini mencuba mencari hubungan semantik konsep-konsep tradisi seperti “subjek” dan “objek langsung”. Prototaip semantik tentang “objek langsung” menyatukan idea “pengalam suatu tindakan” dengan idea “ketopikan pergantungan” dapat dirumuskan seperti yang berikut:

Saya mahu menyatakan sesuatu tentang Y
kerana Saya mahu mengatakan sesuatu tentang orang X
sesuatu telah terjadi kepada Y
kerana X melakukan sesuatu kepada Y

Dengan menggunakan rumus ini sebagai panduan, beberapa kasus nahu dapat ditentukan. Kasus benda bernyawa yang menerima kesan oleh keadaan atau tindakan yang dikenal pasti oleh kata kerja, iaitu Datif Bahasa Melayu, mungkin dapat dicuba dan ditentukan sebaik mungkin dalam analisis ini.

Abstract

This study endeavours to grasp the meaning encoded in the words at morphological level of Malay. In relation to this idea, the meanings of

grammatical constructions have to be explicitly stated in the same semantic metalanguage, so that the characteristic semantic features of Malay can be traced across the entire language. For example, semantic areas such as emotion, sensation, body parts, causation, volition, pace or time, could then be studied as individual domains, and their different treatment in Malay can be specified. This study tries to search for semantic correlates of traditional concepts such as "subject" and "direct object". The semantic prototype of "direct object" combines the idea of "undergoer of an action" with the idea of "dependent topicality" may be formulated as follows:

*I want to say something about Y
because I want to say something about person X
something happened to Y
because X did something to Y*

Using this formula as a guide, various cases of grammar may be specified. The case of the animate being affected by the state or action identified by the verb, the so-called Malay Datives, may well be tried and specified in this analysis.

PENDAHULUAN

Nahu kasus telah pertama kali diperkenalkan oleh Charles J. Fillmore dalam bukunya "Case for Case" (1968). Dalam buku ini, beliau bermula dengan tanggapan umum seperti yang berikut:

- (a) Ayat mudah sesuatu bahasa terdiri daripada suatu saran (proposisi) dan suatu komponen modalitas. Komponen modalitas meliputi modalitas seperti penafian, pernyataan kala (*tense*), termasuk aspek masa, penegasan (Ahmad Mahmood Musanif yang memetik daripada Bach dan Harms, 1968:1-88), dan sebagainya yang beroperasi ke atas seluruh ayat.
- (b) Suatu saran pula mengandungi kata kerja dan satu set peserta.

Hubungan saran dengan modalitas merupakan hubungan kasus dalam nahu ayat. Hubungan ini dapat dilihat berdasarkan contoh yang berikut:

- (1) Jalal tidak akan mencuri barang orang.

Saran bagi ayat (1) di atas ialah: <Jalal mencuri barang orang.> dan

modalitasnya terdiri daripada “masa akan datang + nafi”.

Dalam hal ini, hubungan kasus digambarkan oleh makna-makna daripada simbol-simbol kategori. Peluasan saran atau proposisi (P) boleh difikirkan sebagai rumus kepada bentuk (2), iaitu sekurang-kurangnya satu kategori kasus mesti dipilih dan tidak ada kategori kasus yang hadir lebih daripada sekali.

$$(2) P \quad \rightarrow \quad K_j + C + \dots C$$

Dalam hubungan dengan rumus di atas, kita boleh secara mudah mengandaikan P sebagai diwakili oleh sebarang himpunan rumus yang mengandungi $K_j + A$ (Agentif), $K_j + O$ (Objektif) + A, $K_j + D$ (Datif), $K_j + O + D$, dan sebagainya (Ahmad Mahmood Musanif yang memetik daripada Bach, 1968:24). Kasus frasa nama yang lain, yakni yang ditubuhkan oleh hubungan kata kerja dengan frasa itu atau dengan kata lain dalam ayat bahasa Inggeris, termasuklah Instrumental (I), Alatif (Al), Lokatif (L) dan Komplementif (KOM).

Fillmore yang menghuraikan *struktur kasus* dalam rencananya *Types of Lexical Information* dalam *Semantics*, terbitan Cambridge University Press, London, 1974, mengatakan bahawa peranan yang dimainkan oleh frasa nama dalam hubungan dengan kata kerja dalam predikat ayat, yang dinamakannya juga dengan istilah *hubungan kasus* dalam ayat, sudah mencukupi untuk menyatakan kombinasi kasus yang dikaitkan dengan predikat sebagai *struktur kasus*. Katanya, pengkaji tidak perlu pergi lebih jauh daripada itu sebab istilah-istilah yang telah ditentukan boleh didapati dengan mudah dalam sorotan teori kasus.

Sebagai tambahan kepada koleksi komplemen yang nampaknya kompleks, yang mengenal pasti had dan batas masa dan ruang yang diperlukan oleh kata kerja pergerakan, tempat, lama masa (durasi), dan sebagainya, makna kasus yang paling relevan untuk subklasifikasi kata kerja meliputi:

Agen (A), pengacum (*instigator*) peristiwa.

Lawan Agen (C), tenaga atau pertahanan melawan tindakan yang sedang berlaku.

Objek (O), entiti yang menggerakkan atau merobah atau yang kedudukannya atau kewujudannya dipertimbangkan atau diambil kira.

Hasil (R), entiti yang timbul atau wujud sebagai kesan tindakan.

Alat (Instrument) (I), penggerak atau sebab fizikal sesuatu peristiwa dengan serta-merta.

Sumber (S), tempat dari mana sesuatu itu bergerak.

Tujuan (*Goal*) (T), tempat yang kepadanya sesuatu itu bergerak.

Pengalam (*Experiencer*) (E), entiti yang menerima atau mengalami atau sedang dalam proses mendapat kesan tindakan (yang duhulunya dinamakan 'Datif').

Istilah "Datif" lebih dikenali dengan istilah *Pengalam* di kalangan pengamal teori dan nahu kasus sampai sekarang ini. Dalam pada itu pun, masih ada kasus "datif" yang tidak selamanya mendukung peranan semantik *Pengalam* itu. Sampai sekarang, masalah ini masih belum dapat diselesaikan dengan memuaskan.

Ayat (3) dengan ayat (4), dan ayat (5) dengan ayat (6) di bawah ini menemukan masalah yang dimaksudkan:

- (3) Budak itu terbunuh dalam kemalangan.
- (4) Budak itu mati dalam kemalangan.
- (5) Dia sedang bersedih di situ.
- (6) Dia sedang menangis di situ.

Frasa nama <budak itu> dalam ayat (3) dan ayat (4) memang mendukung peranan *pengalam* tetapi makna kata kerja <mati> dan <terbunuh> tidak dapat ditanggap pada aras intuisi sebagai "pengalaman" sebab makna <mati> dan <terbunuh> itu berakhir tanpa diketahui oleh "pengalam" tersebut. Apabila suatu tindakan itu berada dalam keadaan di luar pengetahuan atau tindakan, makna pengalaman akan terhapus di situ.

Sekalipun kedua-dua kata kerja *mati* dan *terbunuh* itu mahu dianggap sebagai tindakan atau perbuatan yang dialami oleh datif manusia, masih ada perbezaan dari segi makna antara yang dibawakan oleh kata kerja *mati* dan yang dibawakan oleh kata kerja *terbunuh* itu. Maksudnya, perbuatan *mati* yang dialami oleh datif itu bersifat "proses", manakala perbuatan *terbunuh* itu bersifat "kausatif" pada aras struktur dalamannya. Oleh sebab itu, fitur-fitur kasus – semantik penting diambil kira apabila seseorang pengkaji melakukan kajian tentang apa-apa aspek nahu kasus dalam sesuatu bahasa yang dikaji itu.

Pendekatan yang Digunakan dalam Kajian Ini

Kajian ini dibuat dengan menggunakan kerangka Roman Jakobson (1971), dan yang diubahsuai oleh Wierzbicka (1980 dan 1981) dengan mengatakan:

(1) bahawa suatu kasus mempunyai satu makna pusat supaya dengan dasar

ini suatu kasus seperti “datif” dapat dikenal pasti secara linguistik, dan satu set makna, makna-makna lain yang berhubungan dan yang dapat ditentukan melalui pemerian nahu sesuatu bahasa; dan (2) bahawa semua makna suatu kasus – seperti makna-makna lain – dapat dinyatakan melalui parafrasa yang dapat dijelaskan dan difahami secara intuisi dalam suatu *metabahasa* semantik pada bahasa semula jadi.

Makna Pusat bagi Datif

Datif dapat dikenal pasti sebagai satu kasus yang digunakan untuk menandai penerima tindakan (*recipient*) dalam ayat-ayat dengan maksud MEMBERIKAN. Ini tidak pula bermaksud bahawa kasus resipien dapat dianggap sebagai datif dalam mana-mana bahasa. Dalam bahasa yang mengandungi resipien (sebagai suatu peserta manusia) yang biasanya dianggap sebagai objek langsung, bagi semua benda yang diberikan, makna pusat kasus yang menandai suatu resipien didapati berbeza antara beberapa bahasa daripada bahasa-bahasa Eropah. Penanda kasus resipien dalam bahasa Melayu tidak bertentangan.

Definisi yang dianggap baik bagi datif bolehlah didasarkan pada struktur semantik yang berikut:

X melakukan sesuatu kepada Y
 Menghendaki manusia Z untuk memiliki Y
 Sesuatu terjadi kepada Y kerana itu
 Seseorang memikirkan ini (pada masa itu):
 Z akan datang untuk memiliki Y kerana itu

Formula ini bermaksud untuk mencadangkan bahawa, dalam fikiran penutur, sasaran tindakan, iaitu resipien yang dikehendaki, didapati kurang menerima kesan berbanding sesuatu yang dipindahkan; sama ada resipien yang dimahukan itu benar-benar memiliki sesuatu masih tidak jelas lagi, misalnya ayat:

Ali melontarkan Jalil buah limau ke seberang pagar.

tidak menggambarkan bahawa <Jalil> telah semestinya menangkap, dan memperoleh, <buah limau>. Ayat ini sebenar-benarnya menggambarkan, yang sebaliknya, bahawa sesuatu telah berlaku kepada <buah limau>, dan bahawa <buah limau> berada dalam jarak yang tercapai oleh <Jalil>, supaya yang terjadi ialah <Jalil> boleh mendapatinya. Dalam hal ini, datif didapati

berbeza daripada frasa preposisi. Ayat-ayat seperti:

Ali melontarkan buah limau kepada Jalil: GEN.

Jalil membeli buah limau untuk Ali: GEN.

menggambarkan bahawa sesuatu terjadi kepada <buah limau>, tetapi membayangkan bahawa sebagai kesan, resipien yang dikehendaki itu tidak mempunyainya. Ini seolah-olah menggambarkan bahawa ayat-ayat dengan sasaran preposisi mengandungi satu komponen semantik yang kurang daripada komponen bersama datif:

X melakukan sesuatu kepada Y
mehendaki manusia Z memiliki Y
sesuatu terjadi kepada Y oleh sebabnya itu.

Peluasan Khusus Penggunaan Pusat

Dalam bahasa Melayu, suatu datif boleh menandai seseorang yang disebabkan untuk MELIHAT sesuatu, untuk MENGETAHUI sesuatu, atau untuk MEMPUNYAI sesuatu. Sebagai contoh, ayat:

Fatimah memberi Jalil: DAT buah limau.

<Jalil> MELIHAT, MENGETAHUI dan MEMPEROLEH atau MEMPUNYAI <buah limau>, manakala dalam ayat:

Fatimah memukul Jalil: DAT di kepala.

Resipien <Jalil> MELIHAT, MENGETAHUI dan MENGALAMI, di mana komponen MENGALAMI hadir apabila komponen MEMPUNYAI tidak hadir. Dalam hal ini, yang penting ialah kita harus menyedari keadaan bahawa suatu DATIF dapat ditandai dengan komponen-komponen semantik (siri makna) yang berbeza setnya. Apabila set makna tidak sama, makna ayat dengan sendirinya berbeza, selain kerana perbezaan makna kata kerja yang digunakan itu sendiri turut berbeza dari segi makna leksisnya. Malahan, kasus DATIF boleh bertukar menjadi kasus lain apabila struktur semantiknya berubah, misalnya dalam ayat:

Fatimah memukul kepala Jalil: OBJ.

<kepala Jalil> ditandai oleh kasus OBJEKTIF kerana <kepala Jalil> tidak lagi ditandai oleh resipien sebagai manusia Y yang menerima tindakan yang

menghasilkan kesan yang berupa manfaat **MEMPEROLEH** atau **MEMILIKI** sebagai kesan daripada tindakan manusia X. Dalam hal ini, frasa sendi nama tidak mempunyai perkaitan lagi dengan kasus *Datif* dalam ayat.

Datif dengan Sebab-sebab Luaran

Penggunaan kasus datif dalam bahasa Melayu semestinya meliputi datif atas penaklukan leksis. Prinsip asas yang menentukan kata kerja yang dapat menakluk kasus datif ialah prinsip semantik, dan sememangnya saling berhubung kait dengan prinsip yang menentukan penggunaan datif “bebas” dalam perbincangan yang berikut ini.

Yang Menyebabkan **MEMPUNYAI atau **TIDAK MEMPUNYAI****

Di sini konsep “datum” digunakan dan bukan konsep resipien yang dianggap suatu objek langsung kepada suatu tindakan. Dengan penggunaan prototaip ini, sesuatu terjadi kepada suatu objek kerana suatu agen melakukan sesuatu kepadanya.

Dalam bahasa Melayu, datif dapat juga digunakan apabila agen atau pelaku tidak bertindak ke atas objek supaya dipunyai oleh resipien, khususnya apabila objek yang akan dipunyai itu **DIWUJUDKAN** melalui tindakan, seperti dalam ayat-ayat yang berikut ini:

Fatimah memasakkan Jalil: DAT nasi.

Fatimah menjahitkan Jalil: DAT sepasang seluar.

Bagi ayat-ayat yang tidak mempunyai “penderita” daripada jenis ini, yang berikut ialah formula semantik yang digunakan untuk menerangkan binaan tersebut:

- (1) X melakukan sesuatu kepada M (benda)
Mehendaki Z mempunyai sesuatu (Y)
Sesuatu terjadi kepada M oleh sebabnya itu
Seseorang boleh memikirkan ini (pada masa yang sama):
Z akan mempunyai Y oleh sebabnya itu

Datif dapat juga digunakan dengan lebih luas, meliputi kasus pemilikan “segera” atau “serta-merta” sebagai akibat daripada pemilikan yang

disebabkan oleh tindakan transitif seseorang yang lain:

Surat Ali: DAT sudah pun sampai.

Dalam bahasa Melayu, seseorang tidak boleh menggunakan datif untuk berkata:

*Sampaikan Ali: DAT surat.

Sebaliknya, seseorang boleh menggunakan datif untuk “kehilangan segera”:

Kucing saya: DAT telah lari.

Lembu saya: DAT telah hilang.

Minuman kami: DAT telah habis.

Ayat-ayat daripada jenis di atas itu dapat diterangkan dengan menggunakan formula semantik yang berikut:

(2) Z tidak hadir untuk mempunyai Y

Bukan disebabkan oleh seseorang melakukan sesuatu kepada Y

Selain itu, diakui juga bahawa penggunaan datif dalam ayat-ayat yang berikut, pemunyaan segera seolah-olah terlibat:

Anak kita: DAT dilahirkan tadi.

Anak lembu kita: DAT telah dikembirikan.

Situasi datif ini sebenarnya terhad juga, terutamanya apabila sesuatu itu wujud pada suatu tempat dan bukan ditakluki dari luar. Datif ini boleh sahaja dipanggil “datif kecemasan”, dan oleh itu dapat diterangkan oleh formula semantik yang berikut ini:

(3) Z datang untuk mempunyai Y

Sebab Y datang di tempat Z

Bukan kerana Y datang dari tempat lain

Datif boleh juga digunakan untuk pemilikan agentif (biasanya ‘memberi’) dalam bahasa Melayu, tetapi bukan untuk ‘kehilangan agentif’ (seperti ‘mengambil secara kasar’), seperti:

Fatimah memberi Jalil buah limau.

**Fatimah mencuri Jalil buah limau.*

Sebaliknya, untuk maksud mengambil dengan “kerelaan menolong” bagi pihak agen seperti yang wujud dalam ayat yang berikut ini, struktur datifnya diterima, iaitu dengan tafsiran bahawa <Fatimah> merupakan resipien, bukannya yang “mengalami kehilangan”:

Jalil mengambilkan Fatimah: DAT buku itu.

Dan, kalau dilihat dari segi adanya tafsiran bahawa <Fatimah> bertindak sebagai resipien yang mendapat faedah atau manfaat, ayat yang berikut ini juga diterima:

Jalil meminjamkan Fatimah: DAT buku itu.

Menyebabkan DAPAT MELIHAT

Dalam bahasa Melayu, terdapat contoh ayat:

Fatimah menunjukkan Jalil: DAT sebuah buku.

Keadaan atau situasi ayat di atas bersifat semantik, bukannya leksikal; dan pada prinsipnya, sebarang kata kerja boleh digunakan selagi ayatnya memenuhi formula semantik:

- (4) X melakukan sesuatu kepada Y
Mendahaki Z dibolehkan melihat Y
Seseorang boleh memikirkan ini (pada masa itu):
Z akan datang melihat Y disebabkan oleh itu

Sebagai contoh:

Osman menunjukkan Leha: DAT barang keluaran baru.

Hashim mempersembahkan Yang di-Pertuan Agong: DAT sebuah drama pentas.

Kesatuan Seni Tari mempertunjukkan Sultan Johor: DAT tarian lilin.

Menyebabkan MENDENGAR UNTUK KESERONOKAN dan Menyebabkan MENGETAHUI

Datif dapat digunakan untuk merujuk kepada pendengar tertentu, dengan syarat tindakan yang didengarkan itu dilakukan untuk menyeronokkan pendengar. Oleh itu, seseorang boleh mengatakan:

Sharifah menyanyikan ibunya: DAT sebuah lagu Melayu asli.

Sharifah membacakan neneknya: DAT cerita Hang Tuah.

Konstruksi di atas dapat diterangkan dengan formula semantik:

(5) Untuk beberapa ketika, X melakukan sesuatu

Menghendaki X mendengar Y dan merasai/menikmati sesuatu yang menghiburkan

Seseorang boleh memikirkan ini (pada masa itu):

Z akan mendengar Y dan merasai/menikmati sesuatu yang menghiburkan disebabkan olehnya itu

Di samping contoh-contoh di atas yang agak terhad, datif dapat juga digunakan untuk merujuk kepada “orang yang pertuturan itu dirujuk atau dialamatkan” yang tidak dirangsang untuk keseronokan, seperti dalam ayat:

Halim memberitahu Kasim: DAT kebenaran itu.

Oleh yang demikian, kedua-dua penggunaan – datif penonton yang diberi keseronokan dan datif alamat – tidak dapat diterima di bawah satu “datif pendengar”, sebab pendengar yang dikehendaki itu tidak boleh selama-lamanya dirujuk kepadanya oleh satu datif.

Dalam kaitan dengan makna ini juga bagi ayat, orang yang dialamatkan pertuturan itu dapat juga dirujuk oleh satu datif hanya apabila peristiwa (pertuturan) mempunyai kesan untuk orang yang pertuturan itu dialamatkan, iaitu jika sesuatu mesej disampaikan:

Dia memberitahunya: DAT kebenaran.

Aku akan memberitahu kamu: DAT suatu rahsia.

Kedua-dua konstruksi – datif penonton yang dihiburkan dan datif rujukan yang dikehendaki – mempunyai *counterpart* dalam penggunaan “datif dalaman” dalam bahasa Melayu:

Dia memberitahunya kebenaran.

Dia memutarkannya sebuah lagu.

Dia menyanyikannya sebuah lagu.

Kedua-dua datif dalaman yang di atas dapat dirumuskan secara semantik sebagai yang berikut:

(6) X mengatakan sesuatu kepada Z

Menghendaki Z mengetahui Y disebabkan olehnya itu

Seseorang boleh memikirkannya (pada masa itu):

Z akan mengetahui Y disebabkan olehnya itu

Dari segi yang lain pula, penggunaan datif dalam bahasa Melayu lebih terhad berbanding dengan penggunaan “datif dalaman”. Seseorang boleh menggunakan datif untuk merujuk kepada seseorang yang boleh disebabkan MENGETAHUINYA, tetapi tidak pula merujuk kepada seseorang yang boleh disebabkan MENGETAHUI, misalnya:

Dia mengajar saya geografi.

Dalam hal ini, bahasa Melayu membenarkan datif digunakan dengan rujukan kepada seseorang yang boleh disebabkan MENGETAHUI, supaya datif tidak dibenarkan sama sekali untuk merujuk kepada seseorang yang boleh disebabkan TIDAK MENGETAHUI.

Menyebabkan BOLEH MEMBUAT SESUATU

Penggunaan datif ini juga mempunyai kesamaan dengan konstruksi “datif dalaman”:

Yasin membukakan Murad tin susu.

Ibu menggorengkan Adnan sebiji telur.

Halimah menggosokkan Halim sehelai baju.

Penggunaan “datif dalaman” ini nampaknya terhad kepada situasi apabila sesuatu yang dilakukan ke atasnya itu digunakan secara langsung oleh manusia sasaran, iaitu apabila pengucapan yang merujuk kepadanya berupa objek langsung kepada tindakan manusia sasaran yang dijangkakan sebagai bertentangan dengan objek yang mengambil preposisi di antaranya. Datif ini diterima untuk kedua-dua jenis objek:

Ali menarik kerusi untuk Jalil (supaya diduduki).

Ali menarikkan Jalil kerusi.

Ali membasuh sebiji cawan untuk Jalil (untuk diminum air di dalamnya).

Ali membasuhkan Jalil sebiji cawan.

Ali mengasah pensel untuk Jalil (digunakan untuk menulis).

Ali mengasahkan Jalil pensel.

Datif juga dapat merujuk kepada seseorang yang dijangkakan membuat sesuatu kepada objek, dengan tidak perlu menggunakannya untuk tujuan yang dapat diagak. Oleh itu, seseorang boleh berkata:

Potongkan saya: DAT tali ini.

Pegangkan saya: DAT parang ini.

Formula semantik untuk konstruksi ini adalah:

- (7) X membuat/melakukan sesuatu kepada benda Y
Mendahaki Z dibolehkan berbuat sesuatu kepada Y
Seseorang boleh memikirkan ini (pada masa itu):
Z dibolehkan berbuat sesuatu kepada Y disebabkan olehnya itu

Menyebabkan PERUBAHAN pada OBJEK

Datif dapat digunakan untuk merujuk kepada seseorang yang kelihatan menerima kesan oleh perubahan pada sesuatu benda kepunyaannya, seperti dalam ayat-ayat yang berikut:

Ali membaiki Adam: DAT mesin taip.

Hashim membaikpulihkan Ali: DAT jambatan kayu.

Hendaklah diingat bahawa perubahan yang berlaku kepada benda tidak semestinya “buruk” atau “baik”. Oleh sebab itu, ayat yang memusnahkan atau membaiki kepunyaan seseorang tertakluk kepada penggunaan datif itu melalui penggunaan kata kerjanya dalam ayat. Seandainya perubahan itu jelas dari segi “buruk” atau “baik”, kasus datifnya masih menunjukkan gambaran sama ada datif dikehendaki atau tidak dikehendaki. Oleh sebab itu, ayat seperti:

Jalil mencelupwarnakan Fatimah: DAT pakaiannya.

hendaklah ditafsirkan dengan tujuan untuk melaporkan perbuatan yang berfaedah atau yang merosakkan. Konstruksi datif ini dapat diterangkan dengan formula semantik yang berikut:

- (8) X berbuat sesuatu kepada barang Z Y
Y didapati berbeza disebabkan olehnya itu
Ia boleh berupa buruk/baik bagi Z

Kadang-kadang terdapat juga datif yang mempunyai konstruksi dengan

“agen yang tidak bernasib baik”, seperti dalam ayat:

Ikan saya: DAT hangus.

Rumah kami: DAT terbakar.

Susu saya: DAT basi.

Formula semantik yang berikut dapat menerangkan datif agen bernasib baik dan agen tak bernasib baik:

(9) Z melakukan sesuatu kepada benda Y

Sesuatu telah berlaku pada Y pada masa itu

Bukan kerana seseorang melakukan sesuatu kepada Y

Ianya baik atau buruk bagi Z

[seseorang boleh memikirkan ini (pada masa itu)]

Z berasa sesuatu disebabkan olehnya itu

Menyebabkan Sesuatu BERLAKU kepada ORANG BERKENAAN

Datif dapat juga digunakan untuk merujuk kepada seseorang yang menerima kesan daripada peristiwa tanpa agen yang melibatkan orang tertentu, iaitu dengan syarat bahawa kesan itu hendaklah tidak baik, sama ada kepada orang yang berkenaan secara langsung mahupun kepada orang lain secara tidak langsung, misalnya:

Isteri saya: DAT terbunuh.

Tetapi bukan:

**Isteri saya sudah pulih (yakni sihat).*

Dalam pada itu pun, terdapat kasus peristiwa tanpa agen yang melibatkan seseorang, tetapi tidak perlu pulalah berlaku perubahan keadaan dalam diri orang itu secara langsung. Oleh sebab itu, kita boleh mengatakan demikian:

Anak saya: DAT sedang sakit.

Formula semantik untuk subjenis tanpa agen dapat dibaca sedemikian:

(10) Sesuatu yang buruk telah terjadi kepada seseorang Y yang berhubung kait dengan orang lain Z

Kejadian itu tidak baik bagi Z
Seseorang boleh memikirkan ini (pada masa itu)
Z akan merasai sesuatu disebabkan olehnya itu

Boleh juga seseorang mengatakan:

Anak saya: DAT membunuh diri.

Kejadian ini dapat diterangkan dengan menggunakan formula semantik yang berikut ini:

- (11) Orang Y saling berhubung dengan orang Z
Tetapi Z tidak mahu Y melakukannya
(Y menjadi berbeza oleh sebabnya itu)
Kejadian itu tidak baik untuk Z
[seseorang boleh memikirkan ini (pada masa itu)]:
Z akan merasai sesuatu oleh sebabnya itu

Datif Tanpa Sebab-sebab Luaran

Datif daripada jenis ini meliputi perubahan yang tidak disengajakan dalam tubuh badan dan dalam otak. Analisis ini akan dimulai dengan proses yang tidak difikirkan dalam otak, yang memberikan kesan kepada perasaan, fikiran dan kemahuan. Perbezaan antara datif dengan sebab-sebab dalaman daripada datif dengan sebab-sebab luaran sebenarnya agak arbitrari, dan perbezaan ini diperkenalkan dengan tujuan untuk memudahkan penglihatan terhadap perbezaan-perbezaan yang wujud pada ayat-ayat dengan kasus datif – semantik itu.

Perasaan Tak Sengaja (Tidak dengan Niat)

Ada tiga cara bahasa Melayu menyatakan perasaan: sebagai aktif dan tertakluk kepada kawalan, sebagai semula jadi dan tak tertentu, atau sebagai pasif dan tak sengaja. Perasaan sengaja ditandai dengan menggunakan kata kerja aktif, biasanya berbentuk refleksif, dengan subjek nominatif (pengalam = *experiencer*):

Jalil menyesal (bersedih, bimbang).

Emosi atau perasaan yang semula jadi ditandai oleh kata kerja yang

sama tetapi digunakan dalam bentuk:

Jalil seperti bimbang (sedih).

Perasaan tak sengaja biasanya ditandai oleh konstruksi bukan orang, dengan pengalam dalam ayat datif. Predikat mengambil bentuk adverba:

Jalil berasa kesal (malu, sedih, bimbang).

Formula semantik yang berikut ini dapat menerangkan bentuk-bentuk datif di atas:

Semula jadi:

X merasakan sesuatu

Sengaja:

X merasai sesuatu

Sebab X mengatakan sesuatu kepada dirinya

Ini menyebabkan seseorang merasainya

(Datif) Tak Sengaja:

(12) X berasa sesuatu

Bukan kerana X mahukannya

Dalam bahasa Melayu, memang ada perbezaan antara dua ayat (*Dia bimbang* lwn *Dia berasa bimbang*) ini tetapi perbezaan itu tidaklah besar dan agak marginal. Pertimbangan yang lebih halus memang boleh dilakukan secara semantik, tetapi aspek perasaan tetap menjadi fitur domain dalam hal ini.

Proses Kognitif Tak Sengaja (Fikiran dan Bayangan)

Dengan *pengalam* dalam konstruksi nominatif:

“Saya teringat ...

“Saya bermimpi ...

Datif daripada jenis ini juga, yakni datif proses kognitif tak sengaja, boleh terjadi dengan bentuk yang lain, dengan objek fikiran dalam konstruksi nominatif juga:

Adik saya sentiasa saya teringat.

Ibuku kerap termimpi.

Formula semantik untuk ayat-ayat datif di atas berupa:

(13) X terfikir/ terbayang sesuatu

Sebab sesuatu berlaku dalam fikiran

Bukan kerana X menghendakinya

Kehendak Tak Sengaja

Proses hasrat juga dapat dinyatakan sebagai yang boleh dikawal atau yang tidak boleh dikawal. Sekali lagi, perbezaan semantik ini berkait rapat dengan perbezaan nahu antara satu nominatif dengan suatu datif yang berupa nama dalam kaitan dengan kata kerja yang digunakan:

“Saya mahu menari.”

“Saya berasa hendak menyanyi.”

“Saya terasa hendak menari.”

Formula semantik untuk datif di atas berupa:

(14) Saya merasai ini: Saya mahu melakukan X

Bukan kerana saya mahu hasrat itu

Sensasi Tak Sengaja

Sesetengah sensasi tidak dapat dikawal dan ini dinyatakan dalam pola ayat tertentu. Sesetengahnya menggunakan akusatif sebagai kasus “orang yang mengalami”, dan sesetengahnya menggunakan datif:

“*Sesak betul nafasku.*”

atau

“*Nafasku sesak betul.*”

atau

“*Aku: DAT sesak nafas.*”

Perbezaan antara kedua-dua ayat yang pertama dengan ayat yang ketiga terletak pada sensasi subjektif tulen dengan sensasi yang disebabkan oleh objektif keadaan (tubuh badan). Kasus akusatif menerangkan bahawa “orang yang mengalami” mendapat kesan langsung daripada beberapa proses yang bebas ke atasnya: sesuatu telah berlaku kepada badannya dan ini telah menyebab-

kan dia berasa sesuatu. Ayat ketiga (terakhir), sebaliknya, tidak menyatakan sebarang sebab dalaman. Sensasi datif pengalam barangkali tergambar sebagai reaksi kepada situasi luaran (seperti cuaca, keadaan udara sekeliling dan sebagainya):

Tiba-tiba sesak nafas orang itu.

Nafasnya pendek-pendek.

Nafasnya tersempit-semput.

Dalam wacana yang lebih tinggi daripada ayat, pengucapan datif dapat berupa:

“Kamu nampak begitu pengecut! Aku naik jelak dengan perangai kamu. Aku sakit hati dengan kau akhir-akhir ini. Kau seperti orang tak berguna dalam masyarakat. Dayus betul kau ini!”

Kadang-kadang sensasi yang kuat, seperti kesakitan, memerlukan akusatif:

Perut aku: AKUS sakit.

Kepala aku: AKUS mencucuk (yakni 'kesakitan').

Gigi aku: AKUS sakit.

Namun demikian, ayat-ayat daripada jenis ini tidak membayangkan implikasi semantik yang sama dalam ayat-ayat datif yang berikut:

Tidak selesa: ADJ aku: DAT.

Sejuk betul: ADV aku: DAT pada badan.

Sakitnya aku: DAT pada luka di kakiku.

Dalam pada itu pun, datif dalam bahasa Melayu pada umumnya tidaklah perlu membayangkan sensasi yang tidak selesa sahaja. Kita boleh juga mengatakan tidak sahaja begini:

Leganya: ADJ aku: DAT di sini.

Selesanya: ADJ aku: DAT di hotel.

Ayat “sensasi datif” boleh juga mempunyai kesamaan semantik dengan konstruksi yang tidak dinyatakan pengalamnya, dan dalam hal ini kasus datifnya hilang:

Hari ini hujan.

Hari ini berkabus.

Agak dingin di sini.

Agak berkabus hari ini.

Untuk binaan datif melalui ayat-ayat yang dibincangkan di atas, formula semantik yang digunakan untuk menerangkannya berupa:

(15) "Sensasi Datif":

Z merasai sesuatu dalam tubuh badannya (atau, sebagainya pada tubuh Y)

Bukan kerana seseorang melakukan sesuatu kepadanya

Tidak juga disebabkan oleh sesuatu terjadi pada sebahagian tubuh badannya

Proses yang Tidak Dikehendaki dalam Badan

Konstruksi datif daripada jenis ini digunakan untuk proses badan yang tidak boleh dikawal. Orang yang terlibat sebenarnya tidak mengetahui atau tidak sedar akan proses-proses tersebut; proses itu seolah-olah diterima sahaja, dan keadaan ini membenarkan pemerian suatu datif dalam bahasa Melayu.

Menggelegak perasaanku: DAT sesungguhnya.

Mengeletar badanku: DAT ketakutan.

Sakitnya aku: DAT di dalam hati.

Dalam konstruksi di atas, bahagian badan yang merupakan tumpuan proses yang tidak dikehendaki dapat dirujuk, sama ada dalam frasa nominatif atau frasa preposisi.

Formula semantik untuk konstruksi datif ini berupa:

(16) Sesuatu terjadi dalam tubuh Z (atau, sebahagian Y daripada tubuh Z)

Bukan kerana Z menghendakinya

Seseorang boleh memikirkan ini (pada masa itu): Z akan merasainya

Perubahan pada Rupa dengan Tidak Sengaja

Datif boleh juga digunakan untuk merujuk kepada seseorang yang rupanya

telah mengalami perubahan yang tidak dikehendaki yang disebabkan oleh proses dalaman:

Rambutnya: DAT memutih.

Cuping telinganya: DAT memanjang ke bawah.

Makna semantik datif ini dapat diterangkan dengan menggunakan formula semantik yang berikut:

(17) Bahagian Y daripada tubuh Z nampak berbeza

Disebabkan oleh sesuatu yang terjadi dalam tubuh Z

Bukan kerana seseorang melakukan sesuatu kepadanya

Seseorang boleh memikirkan ini (pada masa itu):

Z nampak berbeza kerananya itu

Sifat-sifat Wajah yang Tidak Dikehendaki

Pada umumnya, wajah atau rupa paras bahagian tubuh, sama ada kekal atau sementara, tidak dapat dihuraikan dalam konstruksi datif:

**Rambutnya: DAT putih.*

**Rambutnya: DAT licin.*

Akan tetapi, apabila wajah atau rupa bahagian tubuh dihuraikan dalam bentuk dinamis, seolah-olah terhasil daripada proses yang sedang berlaku, konstruksi datif dapat digunakan seperti yang berikut:

Rambutnya: DAT mengering.

Rambutnya: DAT bersinar.

Rambutnya: DAT berseri.

Rambutnya: DAT memutih

Sesetengah konstruksi datif dapat dihuraikan dari segi pandangan mata yang berubah, yakni bukan dari segi fitur objektif nyata. Oleh yang demikian, terbentuklah ayat:

Janggutnya mencecah pinggang.

Janggutnya seolah-olah mencecah pinggang.

Kedua-dua ayat di atas seolah-olah memberitahu kita bahawa rupa

rambut itu sedang mengalami proses memanjang, dan proses ini telah menyebabkan <rambut bergerak panjang sehingga sampai ke bahagian pinggang> seseorang.

Percakapan yang Tak Sengaja

Dalam wacana naratif, seperti yang terdapat dalam teks berbentuk cerpen atau novel, sering terdapat ungkapan berbentuk pertuturan seseorang yang berupa suatu “tindakan tak sengaja”, yakni “pengucapan tanpa niat” yang merujuk kepada penutur yang BERKATA tanpa disedari atau tidak dibuat secara sengaja:

Berkata suara itu kepadaku: DAT – “Jangan percaya pada ombak” – yang membisik di kepalaku – “Lautan panas jangan diharungi.”

“Bersabar lagikah engkau?”, “Malu engkau: DAT kubuat lagi.”

“Musnah kamu: DAT, pada kali ini, bahawa oleh perbuatanku, malu jadinya kamu: DAT di kaca mata masyarakatmu, ha ... ha... ha!”

Dalam konstruksi ini, kata kerja yang digunakan telah diucapkan dengan tidak sengaja, supaya seseorang diminta menerimanya sahaja, supaya niat dibentuk dalam makna beberapa kata kerja yang digunakan. Formula semantik untuk ini berupa:

(18) Orang Z mengatakan sesuatu kepada Y

Bukan kerana Z menghendaknya

Pelaku (Agen) yang Dianggap “Orang yang Mengalami”

Suatu pelaku (agen) dapat juga dirujuk dengan menggunakan datif sekiranya fakta perbuatan dianggap lebih awal daripadanya, manakala penumpuan adalah ke atas dimensi subjektif, iaitu dengan cara suatu pelaku mengalaminya. Kekangan di sini bukan leksikal tetapi semantik: sebarang adverba boleh digunakan selagi ia tertakluk kepada tafsiran dari segi “bagus” atau “tidak bagus”:

Tak berguna betul aku: DAT menulis laporan buruk tentang guruku.

Tidak berfaedah aku: DAT tidur nyenyak pada waktu siang hari.

Dahsyatnya dia: DAT menangis seperti kanak-kanak.

Tak senonohnya aku: DAT mencaci Tok Imam tadi!

Baiknya dia: DAT ular bisa itu dibunuhnya dengan sebatang buluh.

“Baik” atau “buruk”nya pengalaman itu ditentukan oleh penutur terhadap persekitaran berlakunya perbuatan, mahupun masanya. Maksud “lama masa” boleh juga dinyatakan melalui tindakan tertentu:

Baiklah kamu: DAT (sendiri) pergi sekarang.

Bolehkah dia: DAT menyesuaikan diri dengan orang kampung di sini?

Eloklah kamu: DAT beredar dari sini.

Rasional untuk datif bagi konstruksi-konstruksi di atas boleh berupa semacam demikian:

(19) Aku rasa kamu mengetahui itu untuk beberapa lama, bukannya sekejap,

Saya melakukan/mengetahui sesuatu (V)

Saya merasakan itu untuk beberapa sebab yang saya boleh/tidak boleh melakukannya dengan baik

Bukan kerana sesuatu yang saya telah lakukan

[Saya memikirkannya kerana sesuatu yang seseorang (orang lain) telah tahu tentang tempat atau masa itu]

KESIMPULAN

Kita telah pun melihat bahawa datif dapat digunakan dalam bahasa Melayu dengan berbagai-bagai kelainan konstruksi. Tentunya, formula yang dicadangkan di luar makna datif pusat tidak dapat dianggap sebagai bukan varian seluruh keluarga. Malahan, ia menampakkan bahawa apa yang menghubungkan semua konstruksi datif yang berbeza-beza itu ialah tema biasa dan bukannya set komponen semantik yang jelas, sebagaimana yang digunakan oleh analisis komponen semantik terhadap hakikat sintaksis bagi kata mengikut teori transformasi generatif analisis sintaksis sesuatu bahasa.

Secara longgar, penggunaan datif menunjukkan implikasi pada situasi yang tidak dikawal oleh orang Z tetapi yang semacam mempunyai kesan ke atas Z. Oleh sebab itu, sama ada seseorang itu ditawarkan sesuatu, ditunjukkan oleh sesuatu, diberitahu sesuatu, atau sama ada sesuatu itu berlaku dekat atau jauh daripada badan, ia seolah-olah mendapat kesan daripada peristiwa-peristiwa tersebut, dan menerima kesan dengan cara yang

sesuatu, sebab bertentangan dengan orang, tidak menerima kesan (seperti secara mental). Sesuatu hanya mendapat kesan apabila sesuatu berlaku ke atas MEREKA, tetapi orang boleh juga mendapat kesan apabila sesuatu berlaku kepada SESUATU YANG LAIN, sebab mereka boleh memberikan reaksi kepadanya secara mental.

Kita masih boleh mencuba melukiskan formula semantik satuan untuk datif dalam bahasa Melayu mengikut garis panduan ini:

Sesuatu telah berlaku

Tidak dengan sebab orang Z menghendaknya

Seseorang boleh memikirkan ini (pada masa itu):

Orang Z akan memikirkan/merasakan/mengetahui sesuatu kerananya

Jika kita memformalisasi rasional semantik konstruksi datif seluas formula di atas, interpretasi tema dan jarak penggunaannya yang begitu unik tidak dapat dilihat dengan jelas. Oleh sebab itu, bagi menentukan bahawa penghuraian kita tentang datif mempunyai kuasa ramalan yang lengkap, maka perlulah kita menyatakan dengan setepat-tepatnya set formula semantik yang boleh menerbitkan tidak lebih dan tidak kurang daripada bentuk sebenar ayat-ayat datif yang dapat diterima untuk bahasa Melayu.

RUJUKAN

- Anderson, Stephen, 1971. "On The Role of Deep Structure in Semantic Interpretation" dlm. *Foundations of Language* 7. The Hague: Mouton.
- Bach, Emmon dan Robert T. Harms (ed.), 1968. *Universals in Linguistic Theory*. New York: Holt, Rinehart and Winston.
- Fillmore, Charles, 1968. "The Case for Case" dlm. Bach & Harms, 1968. *Universal in Semantic Theory*. New York: Holt, Rinehart Winston.
- Fillmore, 1974. "Types of Lexical Information" dlm. *Semantics*. London: Cambridge University Press.
- Jacobson, Roman, 1971. *Selected Writings, Vol. 2: Word and Language*. The Hague: Mouton.
- Jacobson, Roman, 1971. "Boas' View of Grammatical Meaning" dlm. *Selected Writings of Roman Jakobson*. The Hague: Mouton.
- Kimball, John, P. (ed.), 1975. *Syntax and Semantics*, 4. New York: Academic Press.
- Lyons, John, 1977. *Semantics*. Cambridge: Cambridge University Press.
- Lyons, John, 1981. *Language, Meaning and Context*. London: Fontana.
- Putnam, Hilary, 1975. "The Meaning of Meaning" dlm. *Minnesota Studies in The Philosophy of Science, Vol. 7*. Minneapolis: University of Minnesota Press.

DATIF DALAM BAHASA MELAYU: SATU KAJIAN NAHU KASUS

- Steinberg, Danny D., dan L.A. Jakobovits (ed.), 1971. *Semantics: An Interdisciplinary Reader in Philosophy, Linguistics, and Psychology*. Cambridge: Cambridge University Press.
- Weinreich, Uriel, 1966. "On the Semantic Structure of Language" dlm. *Universals of Language, 2nd Edition*. Cambridge: MIT. Press.
- Wierzbicka, Anna, 1981. *The Case for Case*. Karoma: Ann Arbor.

LAMPIRAN

RINGKASAN KONSTRUKSI DATIF BAHASA MELAYU

1. MENYEBABKAN MEMPUNYAI

Misalnya: *Dia menghuluri wanita itu sepotong kuih.*

X melakukan sesuatu kepada benda Y

Menghendaki orang Z mendapatkan Y

Sesuatu terjadi kepada Y disebabkan oleh itu

Seseorang dapat memikirkan ini (pada masa itu)

Z mendapat Y kerananya itu

2. MENYEBABKAN TERADA DAN MENDAPATNYA

Misalnya: *Ibu menjahitkan ayah baju.*

X melakukan sesuatu kepada beberapa B (bahan)

Menghendaki Z mendapat sesuatu (Y)

Sesuatu berlaku kepada B sebabnya itu

Seseorang boleh memikirkan ini (pada masa itu):

Z mendapat Y kerananya itu

3. MENJADIKAN TIDAK MENDAPAT

Misalnya: *Kucingku telah lari.*

Z tidak jadi memiliki Y

Bukan kerana seseorang melakukan sesuatu kepada Y

4. TERSEBAB DISEDIAKAN

Misalnya: *Anak lelaki dilahirkan untuk kita.*

Z timbul disediakan untuk Y

Sebab Y berada di tempat Z

Bukan kerana Y datang dari tempat lain

5. AKAN MENDAPAT LEBIH

Misalnya: *Kita akan mendapat lebih ramai pelajar.*

Z datang akan mendapat lebih ramai Y daripada sebelum
Bukan kerana seseorang melakukan sesuatu kepada banyak Y

6. MENYEBABKAN MELIHAT

Misalnya: *Cikgu menunjukkan saya sekeping gambar.*

X melakukan sesuatu kepada Y

Menghendaki Z dibolehkan melihat Y

Seseorang boleh memikirkan ini (pada masa itu):

Z akan melihat Y kerananya itu

7. MENYEBABKAN MENGETAHUI

Misalnya: *Dia memberitahunya kebenaran.*

X mengatakan sesuatu kepada Z

Menghendaki Z mengetahui Y kerana itu

Seseorang boleh memikirkan ini (pada masa itu):

Z akan mengetahui Y kerananya itu

8. MENYEBABKAN DAPAT MELAKUKAN SESUATU

Misalnya: *Kakak menggorengkan ibu sebiji telur.*

X melakukan sesuatu kepada Y

Menghendaki Z dibolehkan melakukan sesuatu kepada Y

Seseorang boleh memikirkan ini (pada masa itu):

Z akan dibolehkan melakukan sesuatu kepada Y kerananya itu

9. MENYEBABKAN PERUBAHAN PADA MILIK SESEORANG

Misalnya: *Dia membaiki/merosakkan jam ayahnya.*

X melakukan sesuatu kepada barang kepunyaan Z

Y menjadi berubah kerana itu

Ia adalah bagus/tidak bagus bagi Z

10. PERUBAHAN TAK SENGAJA PADA KEPUNYAAN SESEORANG

Misalnya: *Buku saya koyak.*

Z melakukan sesuatu kepada benda Y

Bukan kerana seseorang melakukan sesuatu kepada Y
Y menjadi berbeza kerananya itu
Adalah tidak baik bagi Z
Seseorang boleh memikirkan ini (pada masa itu):
Z akan berasa sesuatu kerananya itu.

11. AGEN YANG TIDAK BERNASIB BAIK

Misalnya: *Kuih kakak naik gebu dengan cantik/Kuih kakak hangus.*

Z melakukan sesuatu kepada benda Y
Sesuatu berlaku pada Y pada masa itu
Bukan kerana seseorang melakukan sesuatu kepada Y
Ianya tidak bagus/tidak bagus bagi Z
[seseorang dapat memikirkan ini (pada masa itu)]:
Z merasakan sesuatu kerananya itu

12. MENYEBABKAN PERUBAHAN PADA ORANG YANG BERKENAAN

Misalnya: *Anak lelakinya mereka bunuh/selamatkan.*

X melakukan sesuatu yang buruk/baik kepada orang Y yang ada
yang ada hubungan dengan orang Z
Y menjadi berbeza kerananya itu
Seseorang boleh memikirkan ini (pada masa itu):
Z akan merasakan sesuatu kerananya itu.

13. SESUATU YANG BURUK BERLAKU KEPADA ORANG YANG BERKAITAN

Misalnya: *Isterinya meninggal dunia di pangkuannya.*

Sesuatu yang buruk berlaku kepada orang Y yang mempunyai
hubungan dengan orang Z
Adalah itu malang bagi Z
Seseorang boleh memikirkan ini (pada masa itu):
Z merasakan sesuatu kerananya itu.

14. TINDAKAN BURUK ORANG YANG BERKENAAN

Misalnya: *Anaknya menjadi mabuk.*

Orang Y yang mempunyai hubungan dengan Z melakukan sesuatu

Bahawa Z tidak menghendaki Y melakukannya

(Y menjadi berbeza kerananya itu)

adalah itu buruk bagi Z

[Seseorang dapat memikirkan ini (pada masa itu):

Z merasakan sesuatu kerananya itu]

15. AMARAN

Misalnya: *Jaga langkah kamu baik-baik, nanti jatuh.*

Kamu mungkin menyebabkan sesuatu yang buruk berlaku kepada kamu

Aku tidak mahu itu berlaku

Aku tahu itu akan menyebabkan saya merasakan sesuatu

Aku memikirkan ini: Aku patut menyebabkannya supaya perkara buruk tidak berlaku kepada kamu.

16. MENYEBABKAN PERUBAHAN PADA BAHAGIAN BADAN

Misalnya: *Dia membalut tangan isterinya yang luka.*

X melakukan sesuatu kepada bahagian badan Z, iaitu Y

Y nampak berbeza kerananya itu

Seseorang dapat memikirkan ini (pada masa itu):

Z akan merasakan sesuatu kerananya itu.

17. MEMBUATKAN BERLAKU SENTUHAN PADA BAHAGIAN BADAN

Misalnya: *Seseorang menumbuk aku di belakang/*

Sesuatu menggigit aku di belakang.

Y datang menyentuh bahagian badan Z

Seseorang dapat memikirkan ini (pada masa itu):

Z akan merasakan sesuatu kerananya itu

18. MEMBERI KESAN KEPADA ALAT DERIA BAHAGIAN BADAN

Misalnya: *Bunyi berdesing di telinga.*

Sesuatu yang tidak menyenangkan berlaku di sekitar atau di luar diri Z

Sesuatu mendatangkan kesan pada alat deria X, iaitu Y

Ia tidak bagus bagi Z

Seseorang dapat memikirkan ini (pada masa itu)

Z merasakan sesuatu kerananya itu.

19. MEMERIKSA BADAN

Misalnya: *Doktor memeriksa hidung pesakit.*

X melakukan sesuatu kepada bahagian badan Z

Mahu mendapat tahu sesuatu tentangnya

Seseorang dapat memikirkan ini (pada masa itu):

Z akan merasakan sesuatu kerananya itu

20. MELIHAT BAHAGIAN BADAN

Misalnya: *Dia sedang memerhatikan kaki gadis itu.*

X melihat bahagian tertentu badan Z

Seseorang dapat memikirkan ini (pada masa itu):

Z akan merasakan sesuatu kerananya itu.

21. PERASAAN YANG BUKAN SENGAJA

Misalnya: *Dia berasa menyesal.*

X merasakan sesuatu

Bukan kerana X menghendaknya.

22. FIKIRAN YANG BUKAN DISENGAJAKAN

Misalnya: *Dia teringat tentang itu.*

X memikirkan/membayangkan sesuatu

Sebab sesuatu berlaku dalam fikirannya

Bukan kerana X menghendaknya.

23. FIKIRAN YANG DISENGAJAKAN

Misalnya: *Menteri itu diperingatkan tentang mesyuarat.*

X melakukan sesuatu yang baik kepada orang Y

Y memikirkan sesuatu

Bukan kerana sesuatu terjadi dalam fikirannya

X berasa senang kerana ia menghendaknya

Y merasakan sesuatu yang baik.

24. KEHENDAK YANG TIDAK DISENGAJAKAN

Misalnya: *Saya berasa hendak menyanyi.*

Saya merasakan ini: Saya mahu melakukan X

Bukan kerana aku menghendaknya.

25. RASA YANG TIDAK DISENGAJAKAN

Misalnya: *Saya sejuk.*

Z merasakan sesuatu dalam badannya

Bukan kerana seseorang melakukan sesuatu kepadanya

Bukan kerana sesuatu terjadi dalam bahagian-bahagian badannya.

26. PROSES YANG TAK SENGAJA DALAM BADAN

Misalnya: *Dia demam.*

Sesuatu berlaku di dalam badan Z

Bukan kerana Z menghendaknya

Seseorang dapat memikirkan ini (pada masa itu):

Z akan merasainya.

27. PERUBAHAN PADA WAJAH YANG TIDAK DISENGAJAKAN

Misalnya: *Rambutnya bertukar menjadi perang.*

Bahagian Y daripada badan Z menjadi nampak berbeza

Kerana sesuatu yang terjadi dalam badan Z

Bukan kerana seseorang melakukan kepadanya

ARBAK OTHMAN

Z akan nampak berbeza kerananya itu.

28. TUTUR KATA YANG TAK DISENGAJAKAN

Misalnya: *Aku tidak tahu kenapa aku terucapkan kata-kata itu.*

Orang Z mengatakan sesuatu (Y)

Bukan kerana Z menghendaknya.